



Nurul Auni Wajihah (berkerusi roda) bersama-sama rakan seperjuangan dalam eksplorasi.

Pelajar USIM cekal berdakwah di perantauan

Adelaide: Kecekalan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nurul Auni Wajihah Zaid, menyertai Eksplorasi Menjelajahi Bumi Kanggaru di bawah program Global Islamic Students Outreach (GISO), baru-baru ini, menyemarakkan semangat rakan seperjuangannya untuk menjayakan misi dakwah itu.

Mereka jelas kagum dengan kesungguhan beliau yang meskipun lumpuh kedua-dua kaki akibat kemalangan, April lalu, tetap gigih berbakti tanpa menjadikan keterbatasan pergerakannya menggunakan kerusi roda sebagai halangan.

Pengarah program itu, Amarul Arief Mohd Shuhaimi, berkata Nurul Auni Wajihah merupakan sebahagian daripada 17 warga USIM yang menyertai eksplorasi selama lapan hari berkenaan untuk menyebarkan fahaman Islam secara praktikal, selain mempromosi budaya masyarakat Melayu di sana.

Dalam konteks ini, beliau berkata, mereka mengambil kesempatan memberi pendedahan dan berkongsi pengetahuan sesama umat Islam mengenai kepentingan membaca al-Quran serta mengamalkan ajaran agama walau berada di mana sahaja.

Berkongsi pengalaman

“Selain itu, turut diadakan bimbingan kaedah membaca al-Quran dengan betul dan asas berkomunikasi dalam bahasa Arab,” katanya.

Sepanjang eksplorasi itu, Amarul Arief berkata, rombongan terbabit turut mengunjungi Konsulat Malaysia di Bradford Lodge, Islamic Information Centre of South Australia, Islamic College of South Australia, University of South Australia dan Univer-

sity of Adelaide untuk berkongsi ilmu membaca ayat suci al-Quran, kaedah bacaan dalam solat serta kemahiran menulis khat.

Melalui lawatan ke institusi pengajian berkenaan, beliau berkata, mereka berpeluang melihat kaedah pembelajaran dan aktiviti yang dijalankan serta saling berkongsi pengalaman.

“Kami turut mengadakan aktiviti menangkap ketam di Pantai Thompson, makan tengah hari di taman rekreasi sekitar Adelaide dan mengunjungi pusat jagaan ilama, kanggaru serta koala.

Keindahan Islam

“Selain itu, kesempatan berkenalan dengan masyarakat bukan Islam di sana memberi kami peluang menceritakan keindahan agama Islam kepada mereka. Sebagai umat Islam, menjadi tanggungjawab kami untuk berdakwah dan memberi pendedahan kepada mereka yang benar-benar ingin mendalami agama ini,” katanya.

Amarul Arief berkata, kunjungan ke Pusat Kanak-kanak South Plympton pula menyaksikan pelajar berkenaan teruja dan meminati model pengajaran bahasa Arab yang dibentangkan, malah tenaga pengajar di sana memohon menyimpannya untuk kegunaan mereka.

“Di samping menjalankan aktiviti penyampaian mesej dakwah sepanjang eksplorasi ini, kami turut menyelitkan elemen budaya masyarakat Melayu dengan memperkenalkan permainan tradisional seperti lari dalam guni, batu seremban, isi air dalam botol, congkak dan guli,” katanya.



Antara aktiviti peserta Eksplorasi Menjelajahi Bumi Kanggaru di Adelaide.